

**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**SEGMENT PERNIAGAAN ANTARABANGSA DAN SEKTOR  
SWASTA MEMACU PERTUMBUHAN UTAMA PHARMANIAGA**

*Terokai untuk tembusi pasaran penjagaan kesihatan di China melalui JD.com, platform e-dagang terbesar China*

---

**SHAH ALAM, 24 NOV 2022** – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga), syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia, kekal fokus untuk mengukuhkan lagi segmen perniagaan antarabangsa dan sektor swasta yang menjadi pemacu pertumbuhan utama Syarikat pada tahun ini.

Perniagaan antarabangsa Pharmaniaga di Indonesia yang diterajui oleh PT. Millennium Pharmacon International Tbk (MPI), Jakarta dan PT Errita Pharma, Bandung mencatatkan prestasi cemerlang dengan peningkatan ketara dalam Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat (PAT) sebanyak RM5.53 juta bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2022 (9MFY2022), berbanding RM99,000 pada 9MFY2021.

Operasi perniagaan Syarikat dalam sektor swasta di Malaysia juga telah mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu sebanyak 55% bagi 9MFY2022 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021. Sektor ini dijangka terus berkembang apabila Pharmaniaga dapat menembusi pasaran penjagaan kesihatan di China melalui usaha kerjasama dengan JDMAS Commerce Sdn Bhd (JDMAS) untuk mengkomersialkan produk over-the-counter (OTC) dan farmaseutikal di JD.Com, platform e-dagang terbesar di China.

Datuk Zulkarnain Md Eusope, Pengarah Urusan Kumpulan Phamaniaga berkata, "Setakat ini, pasaran antarabangsa perniagaan di Indonesia kekal sebagai pemacu utama dengan peningkatan prestasi yang memberangsangkan.

"MPI telah mencatatkan pertumbuhan yang baik, disokong oleh operasi yang efisien dan penggunaan teknologi digital. Ini dikukuhkan lagi dengan usaha berterusan untuk mempunyai stok produk yang optimum, kutipan pembayaran agresif serta peningkatan portfolio produk," katanya.

Datuk Zulkarnain berkata, "Pertumbuhan perniagaan yang bagus oleh sektor swasta bagi produk OTC dan produk farmaseutikal telah meningkat hasil daripada usaha agresif pengiklanan dan promosi yang berterusan. Pendapatan Syarikat daripada sektor swasta turut meningkat sebanyak 57% suku ke suku dan 55% tahun ke tahun.

“Pharmaniaga turut mencatatkan pertumbuhan yang baik dalam perniagaan konsesi berikutan penambahan produk dalam Senarai Pembelian Produk yang Diluluskan (APPL) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Insiden bekalan ubat yang tidak mencukupi baru-baru ini telah mendorong Kerajaan untuk meluluskan pembekalan stok ubat-ubatan KKM kepada sektor swasta. Namun begitu, Syarikat sentiasa mengekalkan jumlah stok ubat yang mencukupi dan menjangka bekalan ubat akan kembali normal menjelang suku keempat 2022.

“Syarikat telah mempergiatkan usaha untuk menembusi pasaran penjagaan kesihatan di China dengan menjalinkan kerjasama bersama JDMAS untuk mengkomersialkan produk OTC utama Pharmaniaga seperti Citrex Vitamin C, Citrex Gummies, Baraka, Habbatus Sauda, Sweet Royale dan juga produk OTC lain melalui JD.com.

“Kerjasama ini akan dilancarkan pada Januari 2023 yang akan memanfaatkan platform disediakan oleh JD.Com serta platform lain seperti Douyin, Kwaishou dan WeChat. China mempunyai lebih kurang 1.4 bilion penduduk dan dengan potensi pembukaan semula sempadannya beberapa bulan akan datang, kami percaya langkah strategik untuk memasuki pasaran China ini akan memberi hasil yang lumayan kepada Syarikat.

“Usahasama Pharmaniaga dan JD.Com ini dijangka dapat memberi lonjakan kepada pendapatan produk OTC utama Syarikat di antara 100% dan 150% bagi tahun pertama, dan dijangkakan mencecah perolehan pendapatan berjumlah USD30 juta menjelang 2025,” kata beliau.

Datuk Zulkarnain juga berkata usaha Pharmaniaga untuk mengukuhkan kedudukan di UAE dan negara-negara Teluk yang lain telah mendapat respon yang positif berikutan kilang pembuatan ubat terbesar Syarikat, Pharmaniaga Manufacturing Berhad menerima Sijil Pendaftaran Kilang daripada Kementerian Kesihatan UAE pada 7 Oktober 2022.

“Dengan Sijil Pendaftaran ini, kita akan memulakan usaha untuk mendaftar produk farmaseutikal Syarikat bagi menembusi pasaran farmaseutikal UAE dan seterusnya ke peringkat antarabangsa,” katanya.

Bagi suku ketiga berakhir 30 September 2022 (Q3FY2022), Syarikat mencatatkan pendapatan sebanyak RM924.7 juta, dengan peningkatan 21.5% berbanding suku sebelumnya pada tahun yang sama (Q2FY2022). Syarikat turut mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (PBT) dan PAT masing-masing sebanyak RM15.6 juta dan RM9.4 juta, melonjak dari RM4.5 juta dan RM0.9 juta pada Q2FY2022.

Bagi 9MFY2022, Syarikat mencatatkan pendapatan berjumlah RM2.65 bilion, manakala PBT dan PAT masing-masing berjumlah RM57.5 juta dan RM39.1 juta. Secara keseluruhannya, operasi perniagaan utama Syarikat menunjukkan prestasi yang mampan.

Syarikat juga mengisytiharkan dividen interim ketiganya sebanyak 0.6 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 (FY2022), yang akan dibayar pada 22 Februari 2023 kepada pemegang saham pada 9 Disember 2022.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

---

#### **MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel [najmuddin@pharmaniaga.com](mailto:najmuddin@pharmaniaga.com) atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email [zuhri@pharmaniaga.com](mailto:zuhri@pharmaniaga.com).